

22/08/2002

Mavcap yakin mampu agih RM311j kepada syarikat ICT

Nur Lina Rasol

MAVCAP Debt Ventures Bhd (Mavcap), yakin mampu mengagihkan RM311 juta kepada syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dalam tempoh setahun mulai September ini.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Eksekutif Mavcap, Jiro Suzuki, berkata jumlah itu ialah bahagian pertama daripada keseluruhan dana RM1.6 bilion yang diuruskan oleh syarikat.

Katanya, Mavcap sudah pun menerima bahagian pertama daripada dana berkenaan yang berjumlah RM311 juta dan berhasrat mengagihkannya secepat mungkin.

Keseluruhan dana Mavcap bernilai RM1.6 bilion itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Ogos ini, dan dibuka untuk permohonan mulai 2 September.

"Permohonan mendapatkan dana itu akan dibuka 2 September ini kepada syarikat yang menggunakan ICT dalam kegiatannya," katanya selepas taklimat mengenai dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Dana ICT itu diperoleh daripada Kerajaan Jepun menerusi Bank Jepun Bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC) dalam bentuk pinjaman tidak terikat kepada Malaysia bagi membantu memajukan ICT.

Dana yang akan disalurkan dalam 15 bahagian sepanjang tempoh empat tahun sesetengah itu dibahagi kepada tiga skim iaitu Skim Pinjaman Berasaskan Projek, Skim Jaminan dan Skim Pembiayaan Eksport.

"Fokus utama Mavcap ialah kepada Skim Pinjaman Berasaskan Projek yang menumpu kepada syarikat yang sudah atau akan mendapat kontrak," katanya.

Menerusi Skim Pinjaman Berasaskan Projek, Mavcap akan menyalurkan terus pinjaman yang diluluskan manakala Skim Jaminan dan Skim Pembiayaan Eksport membabitkan kerjasama dengan rakan perbankan tempatan serta asing.

"Matlamat dua skim itu ialah memastikan bank berasa selesa mengeluarkan pinjaman kepada syarikat ICT kerana Mavcap bertindak sebagai penjamin," katanya.

Dana yang disalurkan Mavcap adalah berbentuk pinjaman kepada syarikat persendirian atau awam yang mempunyai modal berbayar minimum RM100,000 dan jumlah pekerja minimum lima orang.

Suzuki berkata, setiap permohonan yang dikemukakan akan melalui tiga peringkat pemprosesan iaitu sebelum permohonan, permohonan dan selepas permohonan.

"Peringkat sebelum permohonan membabitkan kajian terhadap model perniagaan, membangunkan landasan perniagaan, pemindahan pengetahuan dan menstruktur skim pinjaman.

"Pada peringkat permohonan, Mavcap menganalisis permohonan yang dikemukakan, menjalankan kajian terperinci, meluluskan seterusnya mengagihkan pinjaman.

"Peringkat terakhir iaitu selepas permohonan membabitkan pemantauan terhadap pemohon yang berjaya sepanjang tempoh pinjaman dan membantu mereka mengembangkan perniagaan," katanya.

Suzuki berkata, proses meluluskan permohonan dijangka mengambil masa empat minggu selepas dokumen permohonan lengkap diserahkan kepada Mavcap.

Berbeza dengan pinjaman bank yang memerlukan aset tetap sebagai cagar, Mavcap menggunakan kontrak projek atau hak terhadap sesuatu produk ICT sebagai cagarannya.